



Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

**PEMULIHARAAN KUMPULAN WAYANG KULIT PURWO SRI
WAHYUNI KAMPUNG PARIT BINGAN DARAT, PARIT RAJA,
BATU PAHAT, JOHOR OLEH JABATAN KEBUDAYAAN DAN
KESENIAN NEGARA JOHOR**

Zurrita binti Tahir

28750

Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian

(Pengurusan Seni)

2013

**PEMULIHARAAN KUMPULAN WAYANG KULIT PURWO SRI
WAHYUNI KAMPUNG PARIT BINGAN DARAT, PARIT RAJA,
BATU PAHAT, JOHOR OLEH JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA JOHOR**

ZURRITA BINTI TAHIR

Projek ini merupakan salah satu keperluan
untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dan Kreatif
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2013

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: PEMULIHARAAN KUMPULAN WAYANG KULIT PURWO SRI WAHYUNI KAMPUNG PARIT BINGAN DARAT PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR OLEH JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA JOHOR

SESI PENGAJIAN : 2012/2013

Saya: ZURRITA BINTI TAHIR

Mengaku membenarkan tesis* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis / Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis / laporan ini sebagai pertukaran bahan antara institusi pengajian tinggi
5. * sila tandakan

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

Tandatangan Penulis

Tarikh:

Alamat Tetap: No, 26 Kampung Parit Haji
Salleh Sanglang, 82100 Ayer
Baloi, Pontian, Johor.

Tandatangan Penyelia

Tarikh:

Catatan: * Tesis / Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*** Jika Tesis / Laporan ini SULIT atau TERHAD, maka sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa / organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis / laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD**

PENGAKUAN

Projek bertajuk **Pemuliharaan Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor** oleh **Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor** telah disediakan oleh **Zurrita binti Tahir** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Tuan Haji Ghazali bin Abdullah)

Tarikh: _____

PENGHARGAAN

Alhamdulillah rabbil ‘Aalamin dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan rahmat serta hidayahnya maka pengkaji dapat menyiapkan Projek Tahun Akhir iaitu Pemuliharaan Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor dengan jayanya.

Pengkaji ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Haji Ghazali bin Abdullah iaitu selaku penyelia yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta dorongan sepanjang tempoh penyediaan Projek Tahun Akhir. Ucapan terima kasih juga kepada individu-individu yang terlibat terutamanya kepada En. Mohamad bin Marji iaitu ketua kumpulan Sri Wahyuni, En. Aswandi bin Kinan, En. Mohammad Hatta bin Yusof dan En Miskom bin Karim serta kepada Pihak JKKNJ iaitu En. Yunos bin Hj. Abu Bakar yang telah sudi membantu dengan memberikan maklumat serta cadangan sepanjang kajian dijalankan.

Akhir sekali, jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya dan rakan-rakan seperjuangan terutamanya Mohamed Nzeer bin Borhanuddin di atas segala dorongan sehingga kajian Projek Tahun Akhir telah berjaya dilaksanakan dengan sebaiknya. Moga segala usaha yang dilakukan akan diberkati.

ISI KANDUNGAN

| | Muka surat |
|--|-------------------|
| HALAMAN TAJUK | i |
| BORANG PENGESAHAN STATUS THESIS | ii |
| PENGAKUAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ISI KANDUNGAN | v |
| SENARAI GAMBAR | x |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SINGKATAN | xi |
| ABSTRAK | xii |
| <i>ABSTRACT</i> | xiii |
| BAB SATU: PENDAHULUAN | |
| 1.0 Pengenalan | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 3 |
| 1.3 Objektif Kajian | 4 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 4 |
| 1.5 Kerangka Kajian | 5 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 6 |
| 1.7 Skop Kajian | 7 |
| 1.8 Batasan Kajian | 7 |
| 1.8.1 Batasan Masa | 7 |

| | | |
|-------|--------------------|---|
| 1.8.2 | Batasan Tempat | 8 |
| 1.8.3 | Batasan Informan | 8 |
| 1.8.4 | Batasan Kandungan | 8 |
| 1.9 | Penyampaian Kajian | 9 |

BAB DUA: SOROTAN KESUSASTERAAN

| | | |
|------|---|----|
| 2.0 | Pengenalan | 10 |
| 2.1 | Konsep Pemuliharaan | 10 |
| 2.2 | Pengertian Wayang Kulit | 14 |
| 2.3 | Sejarah Perkembangan Wayang Kulit Purwo | 15 |
| 2.4 | Dalang Wayang Kulit | 17 |
| 2.5 | Patung-patung Wayang Kulit Purwo | 19 |
| 2.6 | Alat-alat Muzik | 20 |
| 2.7 | Penceritaan Wayang Kulit Purwo | 21 |
| 2.8 | Bangsai Persembahan Wayang Kulit | 23 |
| 2.9 | Pemikiran Masyarakat Jawa dalam Kebudayaan | 24 |
| 2.10 | Analisis Wayang Kulit Purwo | 25 |

BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|--------------------------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 26 |
| 3.1 | Prosedur dan Proses Pengumpulan Data | 26 |
| 3.1.1 | Kajian kes | 28 |
| 3.2 | Jenis Data dan Sumber Data | 29 |
| 3.2.1 | Data Lisan | 30 |

| | | |
|-------|---|----|
| 3.2.2 | Data Bercetak | 31 |
| 3.3 | Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Primer | 31 |
| 3.3.1 | Temu bual | 32 |
| 3.3.2 | Pemerhatian dan Dokumentasian Lapangan | 33 |
| 3.4 | Kaedah dan Teknik Pengumpulan Data Sekunder | 34 |
| 3.4.1 | Kajian Keperpustakaan | 34 |
| 3.5 | Kaedah Analisis Data | 35 |
| 3.6 | Rumusan | 35 |

BAB EMPAT: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

| | | |
|-------|--|----|
| 4.0 | Pengenalan | 36 |
| 4.1 | Mengenalpasti Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor | 36 |
| 4.1.1 | Latar Belakang Kumpulan Sri Wahyuni | 37 |
| 4.1.2 | Cara Persembahan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni | 37 |
| 4.1.3 | Peralatan Muzik Kumpulan Sri Wahyuni | 38 |
| 4.1.4 | Cerita dan Bentuk-bentuk Patung Kesenian Wayang Kulit Purwo Kumpulan Sri Wahyuni | 39 |
| 4.2 | Mendokumentasikan Cerita dan Bentuk-bentuk Patung Wayang Kulit Purwo Kumpulan Sri Wahyuni di Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor | 40 |

| | | |
|-------|---|----|
| 4.2.1 | Lakon Kresna Duta | 40 |
| 4.2.2 | Sinopsis Cerita Prabu Dosomuko Mencari Dewi Widowati | 48 |
| 4.2.3 | Sinopsis Cerita Bima Suci | 49 |
| 4.2.4 | Bentuk-Bentuk Patung Wayang Kulit Purwo | 50 |
| 4.3 | Menganalisis Kaedah Pemuliharaan Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh JKKNJ | 73 |
| 4.3.1 | Kaedah Pemuliharaan Kumpulan Kesenian Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni oleh JKKNJ | 74 |
| 4.3.2 | Kaedah Membaikpulih Peralatan Kesenian Wayang Kulit Purwo Kumpulan Kesenian Sri Wahyuni oleh JKKNJ | 74 |
| 4.3.3 | Pemuliharaan Kumpulan Sri Wahyuni Dari Segi Persembahan | 75 |
| 4.3.4 | Kaedah Pemuliharaan Dari Segi Pemantauan Perkembangan Kumpulan SriWahyuni Menerusi JKKNJ | 76 |
| 4.4 | Rumusan | 78 |

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN KAJIAN

| | | |
|-----|-----------------|----|
| 5.0 | Pengenalan | 79 |
| 5.1 | Rumusan | 79 |
| 5.2 | Penemuan Kajian | 82 |
| 5.3 | Cadangan | 83 |
| 5.4 | Rumusan | 85 |

| | |
|-----------------|-----|
| RUJUKAN | 86 |
| LAMPIRAN | 89 |
| Lampiran 1 | 89 |
| Lampiran 2 | 91 |
| Lampiran 3 | 92 |
| Lampiran 4 | 93 |
| Lampiran 5 | 94 |
| Lampiran 6 | 95 |
| Lampiran 7 | 96 |
| Lampiran 8 | 97 |
| Lampiran 9 | 98 |
| Lampiran 10 | 99 |
| Lampiran 11 | 100 |

SENARAI GAMBAR

| | |
|---|----|
| Gambar 4.2.1: Patung Wayang Kulit Purwo | 50 |
| Gambar 4.2.2: Watak Korawa | 51 |
| Gambar 4.2.3: Watak Dosomuko | 52 |
| Gambar 4.2.4: Watak Bota | 52 |
| Gambar 4.2.5: Watak Pandawa Lima | 53 |
| Gambar 4.2.6: Watak Arjuna | 54 |
| Gambar 4.2.7: Watak Yudistira | 54 |
| Gambar 4.2.8: Watak Nakula | 55 |
| Gambar 4.2.9: Watak Sadewa | 55 |
| Gambar 4.2.10: Watak Werkudoro | 56 |
| Gambar 4.2.11: Watak Lelucon | 57 |
| Gambar 4.2.12: Watak Gareng | 58 |
| Gambar 4.2.13: Watak Ismaya | 58 |
| Gambar 4.2.14: Watak Petruk | 59 |
| Gambar 4.2.15: Watak Togog | 59 |
| Gambar 4.2.16: Watak Gatotkacha | 60 |
| Gambar 4.2.17: Watak Kayon | 60 |
| Gambar 4.2.18: Watak Shinta | 61 |
| Gambar 4.2.19: Watak Setyaki | 61 |
| Gambar 4.2.20: Watak Anoman | 62 |
| Gambar 4.2.21: Watak Betara Guru | 62 |
| Gambar 4.2.22: Watak Antareja | 63 |

| | |
|---|----|
| Gambar 4.2.2 3: Watak Kresna | 63 |
| Gambar 4.2.24: Watak Parikesit | 64 |
| Gambar 4.2.25: Warak Angkawijaya | 64 |
| Gambar 4.2.26: Watak Pandu | 65 |
| Gambar 4.2.27: Watak Abiyasa | 65 |
| Gambar 4.2.28: Watak Palasara | 66 |
| Gambar 4.2.29: Watak Sakutrem | 66 |
| Gambar 4.2.30: Watak Harimau | 67 |
| Gambar 4.2.31: Peralatan Muzik Gamelan Wayang Kulit Purwo | 68 |
| Gambar 4.2.32: Saron Penerus | 69 |
| Gambar 4.2.33: Gong Agung | 69 |
| Gambar 4.2.34: Gendang | 70 |
| Gambar 4.2.35: Kenong | 70 |
| Gambar 4.2.37: Bonang | 71 |
| Gambar 4.2.38: Gender | 71 |
| Gambar 4.2.39: Kothak | 72 |
| Gambar 4.2.40: Kelir | 72 |

SENARAI RAJAH

| | |
|---|---|
| Gambarajah 1.2 : Kerangka Konsep Pemuliharaan Kumpula Sri Wahyuni | 5 |
|---|---|

SINGKATAN

| | |
|-------|--|
| JKKNJ | Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor |
| PKMA | Pusat Sumber Universiti Malaysia Sarawak |

ABSTRAK

Kajian Pemuliharaan Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor. Menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah temubual, pemerhatian dan juga dokumentasi lapangan. Objektif kajian, mengenalpasti kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, mendokumentasikan cerita dan bentuk-bentuk patung Wayang Kulit Purwo di Kampung Parit Bingan Darat, serta menganalisis kaedah pemuliharaan kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat oleh JKKNJ. Teori kajian pemuliharaan model Poespowardojo (1984) berkaitan persembahan, latihan, peralatan, komunikasi dan rekrut ahli kumpulan. Dapatan kajian membuktikan bahawa Wayang Kulit Purwo mempunyai bentuk-bentuk patung dan penceritaan yang berlainan daripada Wayang Kulit lain yang terdapat di negara Malaysia. Wayang Kulit Purwo ini masih kekal aktif dipersembahkan menerusi kumpulan Sri Wahyuni. Oleh kerana itu ia perlu dipulihara untuk diwarisi oleh generasi akan datang sebagai warisan dan budaya bangsa.

ABSTRACT

Conservation Study Group Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor by the Department of Culture and Arts, Johor. Using a qualitative approach through interview, observation and documentation field. The objective of the study, identify the Wayang kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, documenting stories and other forms of Wayang Kulit Purwo statue in Kampung Parit Bingan Darat, as well as conservation groups analyzing method Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan by JKKNJ. Theoretical study of conservation Poespowardojo model (1984) related presentations, training, equipment, communication and recruits member of the group. The finding prove that the Wayang Kulit Purwo have statues and form of storytelling different from other leather puppet in the country of Malaysia. Wayang Kulit, remaint active Purwo presented by the Sri Wahyuni. Therefore it has be preserved for future generations as the nation culture and heritage.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Menerusi Bab Satu ini pengkaji akan membincangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan penyampaian kajian. Menerusi kajian ini pengkaji akan mengupas berkaitan pemuliharaan Kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor.

1.1 Latar Belakang Kajian

Menurut Desy Nurcahyanti (2008: 5) “Wayang Sebagai Identitas dan Inspirasi Seni Rupa Indonesia” telah menyatakan bahawa kata Purwa ini berasal dari bahasa Sanskrit bermaksud pertama, terdahulu atau dulu. Zaman Purwa bererti zaman dahulu dan Wayang Kulit Purwa bermaksud Wayang pada zaman dahulu. Menurut Brandes, kata Purwa adalah berasal daripada perkataan Parwa yang bermaksud bab-bab yang terdapat dalam kitab Mahabharata.

Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (2000:1) dalam bukunya “Teater Tradisional Melayu” menjelaskan bahawa Wayang Kulit adalah satu teater tertua yang terdapat di seluruh Asia Tenggara seperti Malaysia, Indonesia, Thailand dan Kemboja. Wayang Kulit terdapat juga di China, India dan Turki. Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin lagi taburannya yang meluas mengalakkan kemunculan beberapa teori asal usulnya dengan mengaitkan Wayang Kulit berasal dari India dan dibawa ke Asia Tenggara melalui pengaruh Hindu ke rantau ini membawa kepada kesenian Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Asia Tenggara.

Wayang Kulit Purwo berasal daripada Indonesia yang dibawa oleh Allahyarham En. Binggan bin Abu Kahar yang diperkenalkan di Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor pada tahun 1935 dan hingga kini masih dikekalkan menerusi kumpulan kesenian Sri Wahyuni. Penubuhan kumpulan ini bertujuan memartabatkan kesenian Wayang Kulit Purwo yang telah lama diwarisi oleh keluarga En.Mohamad bin Marji.

Kumpulan kesenian ini masih lagi wujud, namun tidak berkembang kerana pelbagai faktor mempengaruhi perkembangan penceritaannya yang dituturkan dalam bahasa Jawa, menjadikan penonton tidak memahami penceritaan itu sekiranya bukan daripada masyarakat Jawa yang tidak memahami bahasa Jawa. Dalang pula semakin sukar dicari dan diganti yang ada hanyalah dalang kumpulan Sri Wahyuni. Manakala pemain alat-alat muzik gamelan semakin sukar didapati dan pemain muziknya tidak pandai memainkan. Sekiranya tiada pemuliharaan dilakukan maka akan terhapuslah kesenian dalam kalangan masyarakat Jawa.

1.2 Permasalahan Kajian

Menurut J.R. Brandon yang dikutip oleh Mana Sikana (1996:209) menyatakan bahawa teater tradisional seperti Mak Yong Laut misalnya, sudah lenyap manakala bentuk-bentuk utama pula seperti Wayang Kulit, Mak Yong serta Bangsawan sedang mengalami kemerosotan dan kian hari ditelan arus zaman. Menerusi pernyataan ini Wayang Kulit kini kurang mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat kerana mereka kini lebih berminat kepada hiburan bercorak moden dan kurang meminati kesenian teater tradisional Wayang Kulit Purwo.

Pengkaji melihat permasalahan berlaku kerana pendokumentasian ilmiah berkaitan dengan Wayang Kulit Purwo khususnya kurang didapati, dan masyarakat kian sukar untuk memahami teater kesenian Wayang Kulit Purwo dengan lebih mendalam. Kekurangan dari segi bahan ilmiah dan sumber maklumat berkaitan dengan kesenian Wayang Kulit Purwo telah menjadi faktor yang perlu dianalisis dalam kajian ini.

Antara faktor awal berkaitan kepupusan kesenian Wayang Kulit Purwo kerana kekurangan dalang yang melibatkan diri dalam persembahan ini. Salah satu kumpulan yang masih meneruskan Wayang Kulit Purwo adalah menerusi kumpulan Sri Wahyuni. Kesenian Wayang Kulit Purwo perlu dikekalkan sebagai satu simbol kesenian yang perlu dipertahankan. Kesenian Wayang Kulit Purwo menjadi lambang kehidupan serta dapat dijadikan iktibar buat masyarakat Jawa kerana Wayang Kulit Purwo ini mempunyai unsur pengajaran yang amat bermakna dalam kehidupan serta membentuk jati diri masyarakat Jawa.


1.3 Objektif Kajian

- a) Mengenalpasti kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.
- b) Mendokumentasikan cerita dan bentuk-bentuk patung Wayang Kulit Purwo, di Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.
- c) Menganalisis kaedah pemuliharaan kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor.

1.4 Persoalan Kajian

- a) Apakah kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni?
- b) Bagaimanakah proses mendokumentasikan cerita dan bentuk-bentuk patung Wayang Kulit Purwo?
- c) Bagaimanakah cara menganalisis kaedah pemuliharaan kesenian Kumpulan Wayang Kulit Purwo menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor?

1.5 Kerangka Kajian



Gambarajah 1.2 : Kerangka Konsep Pemuliharaan Kumpulan Kesenian Sri Wahyuni

Sumber: Aplikasi daripada Poespowardojo (1984:10)

Poespowardojo, (1984:10) menjelaskan bahawa pemuliharaan serta pemeliharaan dalam mengembangkan kesenian Wayang Kulit Purwo ini mempengaruhi empat faktor iaitu latihan, peralatan, rekrut ahli kumpulan serta komunikasi. Menerusi rekrut ahli kumpulan dalam proses menambah ahli keahlian dicatatkan dengan jelas. Rekod disemak serta mewujudkan pembaharuan dalam sistem rekrut ahli kumpulan Sri Wahyuni.

Faktor kedua dari segi peralatan kesenian Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni merangkumi peralatan muzik serta bangsal latihan. Peralatan muzik dijaga dengan baik, dibaikpulih jika terdapat sebarang kerosakkan. Kesenian ini menggunakan alat muzik iaitu gong besar, gong suwukan, gambang, kempul, kenong, gender, slentem, demung, saron peking, ketok atau kompong, serta gendang yang digunakan dalam persembahan.

Komunikasi ini merupakan faktor penting dalam menyampaikan penceritaan Wayang Kulit Purwo dalam kalangan masyarakat, agar teater tradisional ini terus berkembang dengan penyampaian secara lisan yang dapat dipelajari oleh generasi muda. Komunikasi ini menerusi penceritaan secara lisan dapat memudahkan masyarakat memahami isi penceritaannya. Penyampaian penceritaan serta lagu yang dimainkan dalam persembahan ini memberi ruang menghidupkan kembali kesenian Wayang Kulit Purwo.

Menerusi latihan yang bertujuan mempertingkatkan persembahan Wayang Kulit Purwo untuk terus mempertahankan kumpulan kesenian ini daripada terus pupus. Pendekatan latihan yang diadakan ini menjadikan kesenian itu terus dapat dipelihara. Latihan persembahan biasa diadakan di setiap Sabtu pada pukul 8.30 malam. Latihan diadakan untuk memelihara serta memartabatkan lagi Wayang Kulit Purwo. Pemeliharaan kesenian ini turut melibatkan pemaikpulihan dalam kumpulan Sri Wahyuni.

1.6 Kepentingan Kajian

Penyelidikan ini penting untuk tempoh jangka panjang sebagai bahan rujukan seni kepada masyarakat dalam memartabatkan lagi kesenian ini. Menerusi kajian ini generasi muda dapat menjadikan kajian ini sebagai bahan rujukan serta dapat membuka minda tentang kesenian Wayang Kulit Purwo. Kajian ini diharapkan memberi kecenderungan kepada pengkaji akan datang menerusi institusi pengajian tinggi, penyelidik serta pengemar seni untuk turut meneroka perkembangan Wayang Kulit Purwo agar dapat meningkatkan lagi kajian mengenai kesenian ini.

Kepentingan kajian adalah kepada pihak kerajaan, swasta dalam meningkatkan perkembangan kesenian Wayang Kulit Purwo. Kajian ini turut memberikan faedah kepada peningkatan pemuliharaan yang dapat dijalankan menerusi Kumpulan Sri Wahyuni ini dalam mempertahankan kumpulannya agar dapat memartabatkan Wayang Kulit Purwo serta dapat menarik generasi muda menjadi pelapis menerusi penambahan ahli.

1.7 Skop Kajian

Skop kajian ini mengenai pemuliharaan kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor. Tumpuan diberi kepada mengenalpasti kesenian teater tradisional Wayang Kulit, mendokumentasi cerita dan bentuk-bentuk patung Wayang Kulit serta kaedah pemuliharaan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

1.8 Batasan Kajian

1.8.1 Batasan Masa

Batasan masa dilihat menerusi jangkamasa bermulanya penubuhan kumpulan Sri Wahyuni. Kajian Wayang Kulit Purwo meliputi tempoh dari awal tahun 1935 dengan kedatangan Allahyarham En. Binggan bin Abu Kahar dan penghijrahan orang-orang Jawa ke kawasan Parit Raja hingga kini kesenian Wayang Kulit Purwo masih kekal dipertahankan menerusi kumpulan Sri Wahyuni.

1.8.2 Batasan Tempat

Lokasi kajian dipilih adalah menerusi Kumpulan Sri Wahyuni di Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Batasan tempat kajian meliputi ruang persembahan latihan yang digunakan oleh kumpulan kesenian Sri Wahyuni di Teratak Sri Wahyuni. Kajian ini turut dijalankan di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Johor.

1.8.3 Batasan Informan

Informan dalam kajian ini turut melibatkan sasaran utama iaitu kumpulan kesenian Sri Wahyuni. Informan utama adalah ketua kumpulan Sri Wahyuni iaitu Encik Mohamad bin Marji serta En. Aswandi bin Kinan serta En. Mohammad Hatta bin Yusof iaitu ahli kumpulan kesenian Sri Wahyuni. Informan seterusnya pula ialah En. Yunos bin Hj. Abu Bakar penyelas program JKKNJ.

1.8.4 Batasan Kandungan

Kajian ini adalah lebih memfokuskan kepada kaedah pemuliharaan kumpulan kesenian Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor. Batasan kandungan adalah menerusi maklumat daripada JKKNJ berkaitan dengan kaedah pemuliharaan kumpulan ini agar terus kekal untuk dipertahankan untuk terus memartabatkan Wayang kulit Purwo. Tunjang utama batasan kandungan adalah menerusi maklumat daripada JKKNJ berkaitan kaedah pemuliharaan kumpulan tersebut.

1.9 Penyampaian Kajian

Penekanan utama adalah pemuliharaan kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh JKKNJ. Bab Satu berkaitan latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kaedah kajian, kerangka kajian, kepentingan kajian, skop kajian, batasan kajian dan penyampaian kajian.

Bab Dua pula menjelaskan konsep pemuliharaan, definisi Wayang Kulit, sejarah perkembangan Wayang Kulit, patung-patung Wayang Kulit, dalang, alat-alat muzik, bangsal persembahan, penceritaan Wayang Kulit Purwo dan pemikiran masyarakat Jawa serta analisa Wayang Kulit Purwo.

Bab Tiga adalah mengenai pengenalan, reka bentuk dan strategi kajian, prosedur dan pengumpulan maklumat, jenis data dan sumber data, data lisan, data bercetak, kaedah dan teknik pengumpulan data primer, temu bual, pemerhatian dan dokumentasi lapangan, kaedah dan teknik pengumpulan data sekunder, kajian kepustakaan, prosedur beserta dengan proses penganalisan data, kaedah analisis data serta rumusan.

Bab Empat adalah keputusan hasil kajian mengikut objektif kajian ini mengenalpasti kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor, mendokumentasikan cerita dan bentuk-bentuk patung Wayang Kulit Purwo, di Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor serta menganalisis kaedah pemuliharaan kumpulan Wayang Kulit Purwo Sri Wahyuni Kampung Parit Bingan Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor oleh JKKNJ. Bab Lima iaitu rumusan, penemuan kajian, cadangan kajian dan rumusan.

BAB DUA

SOROTAN KESUSASTERAAN

2.0 Pengenalan

Bab Dua turut membincangkan pendapat yang telah dikemukakan oleh pengkaji dahulu kemudian disusun, dibahaskan serta dibentangkan mengikut sub topik mengenai kesenian Wayang Kulit. Lantaran itu, isu-isu berbangkit iaitu mengenai konsep pemuliharaan, pengertian Wayang Kulit, sejarah perkembangan Wayang Kulit, patung-patung Wayang Kulit, alat-alat Muzik, dalang, penceritaan Wayang Kulit, bangsal Wayang Kulit, pemikiran masyarakat Jawa dalam seni persembahan Wayang Kulit dan rumusan.

2.1 Konsep Pemuliharaan

Menurut Rogayah A. Hamid & Jumaah Ilias (2006: 300) telah menyatakan bahawa dalam konteks pemuliharaan seni persembahan ialah dalam bentuk *in-situ* bermaksud sesuatu seni persembahan itu dipulihara di tempat asal wujudnya seni persembahan itu. Kemudian apabila kesenian itu boleh diketengahkan maka dikembangkan pula secara *in-situ* menerusi penyebaran ke kawasan berdekatan tempat wujudnya persembahan itu.